

## GSMA Lancar Mobile World Live

### Perkenalkan Pusat Dalam Talian Utama bagi Industri Komunikasi Mudah Alih

LONDON, 29 Julai /PRNewswire/ --

GSMA hari ini memperkenalkan Mobile World Live, sebuah portal dalam talian baru yang menarik yang bakal berfungsi sebagai sumber maklumat utama bagi industri komunikasi mudah alih. Mobile World Live yang dibina dari dan melengkapi pengalaman di tapak bagi acara terkemuka industri, Kongres Sedunia Komunikasi Mudah Alih dan Kongres Asia Komunikasi Mudah Alih, bakal membekalkan kandungan terkini dan dinamik selain peluang rangkaian buat para eksekutif industri komunikasi mudah alih melalui pengalaman Web 2.0 yang senang difahami, mudah dan interaktif. GSMA melancarkan Mobile World Live bersempena Decisive Media, pembekal terkemuka bagi perkhidmatan komunikasi cangguh, seperti video tanpa henti, siaran laman web secara langsung interaktif dan pelbagai lagi.

"Melalui Mobile World Live, kami meluaskan lagi manfaat acara kebanggaan kami ini kepada dunia dalam talian, menawarkan gabungan program yang berwawasan dan memberikan maklumat serta peluang rangkaian yang penting," kata Michael O'Hara, ketua pegawai pemasaran bagi GSMA. "Perkara utama yang ada pada Mobile World Live adalah hubungan mengikut konteks antara isi kandungan dan keupayaan komuniti untuk berinteraksi sesama sendiri, dengan para penceramah dan isi kandungan, lalu menyediakan pengalaman bermanfaat yang unik kepada setiap pengguna."

Di pelancaran itu, Mobile World Live menggabungkan beberapa kefungisian termasuk ciri-ciri Mobile World Live TV, Mobile World Live Conference dan Mobile World Live Media Centre:

- Mobile World Live TV adalah saluran TV dalam talian yang membawa program biasa yang merangkumi isu-isu utama, trend, wawasan dan berita buat industri komunikasi mudah alih. Program biasa termasuk wawasan CEO, sudut pandangan penganalisis dan ciri-ciri yang meliputi komunikasi jalur lebar mudah alih, perkhidmatan dan isi kandungan gaya hidup komunikasi mudah alih dan planet komunikasi mudah alih.
- Mobile World Live Conference mencipta isi kandungan dari persidangan GSMA, seperti acara Kongres Sedunia Komunikasi Mudah Alih, Kongres Asia

Komunikasi Mudah Alih, Sidang Kemuncak Wang Mudah Alih dan Inovasi Komunikasi Mudah Alih, yang sedia untuk ditayangkan semula kepada para penonton di seluruh dunia.

- Mobile World Live Media Centre adalah pusat media dalam talian yang menampilkan berita tanpa henti dari Mobile Business Briefing, serta pengumuman dan material dari GSMA dan syarikat-syarikat dari seluruh ekosistem komunikasi mudah alih.

Antara keupayaan masa depan yang bakal dihasilkan melalui Mobile World Live adalah: Mobile World Live Webinar, serangkaian persidangan web yang bakal menghimpunkan para pemimpin industri untuk berbincang dan berbahas tentang trend dan isu-isu utama termasuk interaksi yang diselia bersama penonton dalam talian; dan Mobile World Live Showcase, persekitaran dalam talian yang membolehkan syarikat menawarkan serangkaian luas maklumat tentang strategi, teknologi dan penawaran mereka kepada bakal pelanggan serta menjana peluang perniagaan utama dan baru.

Bagi merasai pengalaman Mobile World Live, layari: [www.mobileworldlive.com](http://www.mobileworldlive.com).

#### Tentang GSMA

GSMA mewakili kepentingan industri komunikasi mudah alih sedunia. Merentasi 219 buah negara, GSMA menyatukan hampir 800 buah operator komunikasi mudah alih dunia, serta 200 syarikat dalam ekosistem komunikasi mudah alih yang lebih luas, termasuk pembuat telefon bimbit, syarikat perisian, pembekal peralatan, syarikat Internet, dan organisasi media dan hiburan. GSMA fokus dalam menginovasi, merangsang dan mencipta peluang baru bagi keahliannya, semuanya dengan matlamat akhir untuk memacu perkembangan industri komunikasi mudah alih. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari:  
<http://www.gsmworld.com>

#### SUMBER GSMA

PERHUBUNGAN: Daniel Lowther, +44-7747-636-687, atau Richard Fogg, +44-7887-845-236, [press@gsm.org](mailto:press@gsm.org), kedua-duanya dari GSMA